


# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 596

**AKTA KUMPULAN WANG BURUH INDIA  
SELATAN (PEMBUBARAN) 1999**

Beta bersetuju



Yang di-Pertuan Agong

.....

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 596**

## **AKTA KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN (PEMBUBARAN) 1999**

---

### **SUSUNAN SEKSYEN**

#### **Seksyen**

- I. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemansuhan dan pembubaran
4. Perpindahan kuasa, hak, dsb.
5. Perpindahan harta
6. Perpindahan wang
7. Kontrak sedia ada, dsb.
8. Pembayaran elaun, dsb.
9. Penerusan prosiding sivil
10. Penerusan undang-undang, dsb.
11. Menghalang kesukaran atau anomali

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 596

#### AKTA KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN (PEMBUBARAN) 1999

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958, untuk membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah Akta itu, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan.

[ ]  
DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Persekutuan;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958 [*Akta 496*];

"Lembaga" ertinya Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;

"tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1.

### **Pemansuhan dan pembubaran**

3. Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958 dimansuhkan dan Lembaga dan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

Perpindahan kuasa, hak, dsb.

4. Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan ialah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga hendaklah, dari tarikh itu, turun kepada Kerajaan.

### **Perpindahan harta**

5. (1) Semua tanah yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan adalah terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada tarikh ditetapkan, terletak hak pada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksudmaksud Kerajaan.

(2) Semua harta dan aset selain tanah yang sebaik sebelum tarikh ditetapkan adalah terletak hak pada Lembaga atau pada mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya hendaklah pada tarikh itu terletak hak pada Kerajaan.

### **Perpindahan wang**

6. Semua wang dalam Kumpulan Wang atau yang kena dibayar kepada Lembaga hendaklah, pada tarikh ditetapkan, berpindah kepada dan terletak hak pada Kerajaan.

**Kontrak sedia ada, dsb.**

7. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta atau wang yang berpindah di bawah seksyen 5 atau 6 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang penuh terhadap atau memihak kepada Kerajaan dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesan seolah-olah Kerajaan, bukan Lembaga atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

Pembayaran elaun, dsb.

8. (1) Tiap-tiap buruh India Selatan yang, sebaik sebelum tarikh ditetapkan  
(a) mendiami Rumah Orang Tua Buruh India Selatan; atau (b)  
berdaftar dengan Lembaga,

dan menerima apa-apa elaun, saraan atau bantuan kewangan lain atau apa-apa bantuan kebajikan atau faedah lain daripada Kumpulan Wang hendaklah, pada dan selepas tarikh ditetapkan berhak untuk menerima apa-apa elaun, saraan, bantuan kewangan, bantuan kebajikan atau faedah daripada Kerajaan mengikut kadar yang diluluskan oleh Kerajaan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "buruh India Selatan" ertinya mana-mana buruh

(a) yang bahasa ibundanya ialah, atau bahasa ibunda ibu atau bapanya ialah, Tamil, Telegu, Malayalam, Canarese atau Uriya; dan

(b) yang dilahirkan, atau berketurunan daripada orang yang dilahirkan, di India Selatan.

Penerusan prosiding sivil

9. (1) Mana-mana prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebaik sebelum tarikh ditetapkan oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh

atau terhadap Kerajaan sebagaimana prosiding itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau mana-mana orang atau badan itu jika Akta ini tidak pernah diperbuat.

(2) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dipohon, pada atau selepas tarikh ditetapkan terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh ditetapkan dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Lembaga atau mana-mana orang atau badan yang bertindak bagi pihaknya menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana rayuan itu boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga jika Akta ini tidak pernah diperbuat.

### **Penerusan undang-undang, dsb.**


10. Tertakluk kepada Akta ini, semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau bagi perlindungan Lembaga dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh ditetapkan hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak pernah diperbuat; dan apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis itu mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kerajaan, dan ungkapan-ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

### **Menghalang kesukaran atau anomali**

11. (1) Jika apa-apa kesukaran atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan Akta ini sebagaimana yang didapatinya perlu bagi menghapuskan atau menghalang kesukaran atau anomali itu.

(2) Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh ditetapkan.

(3) Dalam seksyen ini, "ubahsuaian" termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.



# **LAWS OF MALAYSIA**

**Act 596**

**SOUTH INDIAN LABOUR FUND (DISSOLUTION)  
ACT 1999**

**LAWS OF MALAYSIA****Act 596****SOUTH INDIAN LABOUR FUND (DISSOLUTION)  
ACT 1999**

---

**ARRANGEMENT OF SECTIONS****Section**

1. Short title and commencement
2. Interpretation
3. Repeal and dissolution
4. Transfer of powers, rights, etc.
5. Transfer of property
6. Transfer of funds
7. Existing contracts, *etc.*
8. Payment of allowance, *etc.*
9. Continuation of civil proceedings
10. Continuance of laws, *etc.*
11. Prevention of difficulties or anomalies



**LAWS OF MALAYSIA****Act 596****SOUTH INDIAN LABOUR FUND (DISSOLUTION)  
ACT 1999**

An Act to repeal the South Indian Labour Fund Act 1958, to dissolve the South Indian Labour Fund Board and the South Indian Labour Fund established under the Act, and to provide for consequential and ancillary matters.

[ ]

**ENACTED** by the Parliament of Malaysia as follows:

**Short title and commencement**

1. (I) This Act may be cited as the South Indian Labour Fund (Dissolution) Act 1999.

(2) This Act shall come into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in *the Gazette*.

**Interpretation**

2. In this Act, unless the context otherwise requires

"appointed date" means the date appointed by the Minister under section 1;

"Board" means the South Indian Labour Fund Board established under section 3 of the South Indian Labour Fund Act 1958 [Act 496];

"Fund" means the South Indian Labour Fund established under section 6 of the South Indian Labour Fund Act 1958;

"Government" means the Federal Government;

"Minister" means the Minister charged with the responsibility for human resources.

### **Repeal and dissolution**

3. The South Indian Labour Fund Act 1958 is repealed and the Board and the Fund established under that Act are dissolved.

### **Transfer of powers, rights, etc.**

4. All powers, rights, privileges, duties, liabilities and obligations which immediately before the appointed date were those of the Board shall, as from that date, devolve on the Government.

### **Transfer of property**

5. (1) All lands which immediately before the appointed date were vested in the Board shall, on the appointed date, vest in the Federal Lands Commissioner for the purposes of the Government.

(2) All property and assets other than land which immediately before the appointed date were vested in the Board or in any person or body acting on its behalf shall on that date vest in the Government.

### **Transfer of funds**

6. All moneys in the Fund or due to the Board shall, on the appointed date, be transferred to and vest in the Government.

### **Existing contracts, etc.**

7. All deeds, bonds, agreements, instruments and working arrangements subsisting immediately before the appointed date and affecting any property or money transferred under section 5 or 6 shall be of as full force and effect against or in favour of the Government and enforceable as fully and effectually as if, instead of the Board or any person or body acting on its behalf, the Government had been named therein or had been a party thereto.

**Payment of allowance, etc.**

8. (t) Every South Indian labourer who, immediately before the appointed date, was

(a) residing in the Home for Aged South Indian Labourers;

or

(b) registered with the Board,

and receiving any allowance, maintenance or other financial assistance or any welfare assistance or other benefit from the Fund shall, on and after the appointed date, be entitled to continue to receive such allowance, maintenance, financial assistance, welfare assistance or benefit from the Government at such rates as may be approved by the Government.

(2) For the purposes of this section, "South Indian labourer" means any labourer

(a) whose mother tongue is, or the mother tongue of either of whose parents was, Tamil, Telegu, Malayalam, Canarese or Uriya; and

(b) who was born in, or is descended from persons who were born in, South India.

**Continuation of civil proceedings**

9. (1) Any proceedings or cause of action pending or existing immediately before the appointed date by or against the Board or any person or body acting on its behalf may be continued or instituted by or against the Government as it might have been continued or instituted by or against the Board or such person or body if this Act had not been enacted.

(2) Any appeal brought, or any leave to appeal applied for, on or after the appointed date against a decision given before the appointed date in any legal proceedings to which the Board or any person or body acting on its behalf was a party may be brought by or against the Government as it might have been brought by or against the Board if this Act had not been enacted.

**Continuance of laws, etc.**

10. Subject to this Act, all written laws, including subsidiary legislation, affecting or for the protection of the Board and in force immediately before the appointed date shall, until amended or revoked by the appropriate authority having power so to do, continue in force and be construed as if this Act had not been enacted; and any reference in such written laws to the Board shall, unless the context otherwise requires, be construed as a reference to the Government, and expressions importing such a reference shall be construed accordingly.

**Prevention of difficulties or anomalies**

11. (1) If any difficulty or anomaly arises in connection with the implementation of this Act, the Minister may by order make such modifications to any provision of this Act as may appear to him to be necessary for removing or preventing such difficulty or anomaly.

(2) The Minister shall not exercise the powers conferred by subsection (1) after the expiration of three years from the appointed date.

(3) In this section, "modifications" includes amendments, additions, deletions, substitutions, adaptations, variations, alteration and non-application of any provision of this Act.